

BERITA

## Wan Azizah sahkan satu kerusi Parlimen akan dikosong untuk Anwar

Diterbitkan 8 Sep 2018, 1:56 petang | Dikemaskini 8 Sep 2018, 1:59 petang



A+ A-

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail hari ini mengesahkan satu kerusi Parlimen akan dikosong bagi memberi laluan untuk Datuk Seri Anwar Ibrahim bertanding.

Dr Wan Azizah berkata bagaimanapun bila dan di mana kerusi terbabit akan dikosongkan untuk Presiden PKR itu tidak dapat diumumkan buat masa ini.

"Saya kira belum lagi diumumkan tetapi sudah pastikan mana. Inshaallah ada wakil rakyat kita yang telah menawarkan untuk mengosongkan tempatnya untuk membolehkan Datuk Seri Anwar bertanding," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Kempen Yayasan Kebajikan Negara-Tabung Rakyat Palestin hari ini.

Malam tadi, calon Timbalan Presiden PKR, Rafizi Ramli mendedahkan parti itu akan mengosongkan satu kerusi Parlimen minggu hadapan bagi memberi laluan kepada Anwar bertanding.

Katanya, rakyat Malaysia akan menyaksikan sendiri kekosongan kerusi berkenaan dan Anwar akan kembali semula ke Parlimen tidak lama lagi.

Ditanya mengenai kenyataan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang tidak berpuas hati dengan pencapaian dan prestasi barisan jemaah menteri hari ini, Wan Azizah, yang juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berkata itu adalah peringatan buat mereka untuk melaksanakan tugas dengan lebih baik.

"Kita semua masih baharu dan kurang pengalaman dan untuk mengubah kerajaan yang berusia 61 tahun bukannya mudah. Kadang-kadang anda menghadapi beberapa perkara yang berlaku dalam perkhidmatan awam dan kita perlu perbetulkannya dan melangkah ke hadapan... dengan syarat-syarat yang ditetapkan dan apa juga yang kami ambil alih tolong bersama-sama kami," katanya lagi.

- Bernama

KOMEN

### Komen

#### PERINGATAN:

Malysiakini tidak bertanggungjawab terhadap komentar yang diutarakan melalui laman sosial ini. Ia pandangan peribadi pemilik akaun dan tidak semestinya menggambarkan pendirian sidang redaksi kami. Segala risiko akibat komen yang disiarkan menjadi tanggungjawab pemilik akaun sendiri.

12 komen

Susun mengikut **Teratas**

Tambah komen...



**Norazman Yusof**

harap dsai bila jadi ahli parlimen nanti dapatlah bantu tun m dan semua rakan2 yg lain...pedulianlah ckp2 orang yg tak tahu hujung pangkal..Bukan senang nk puaskan semua hati manusia ni .ada yg suka dan ada yg benci ..Terlebih lagi parti sebelah sana tu .dan penyokong tegar mereka yg masih tak dapat menerima kekalahan dlm pru 14...

Suka · Balas · 4 · 16j



**Aisy Mukhris**

X faham... masih x belajar dari langkah kajang. Negara x perlu lg satu prk hanya utk naikkan sesorg. Just wait time will come...

Suka · Balas · 1 · 14j



**Ambrutal Gaban**

Hr tu langkah kajang..ni langkah apa plak..anak beranak dalam parlimen..hebat malysiaku...

Suka · Balas · 15j



**Binhauba Nonari**

Iu kalau mahu pon bolih..

Suka · Balas · 15j



**Mat Yet**

Aku tahu Wan Azizah akan korbankan kerusi Parlimen Pandan untuk Anwar! Pasti!!!

Suka · Balas · 12j



**Get Cover - Agent Recruitment**

Menteri PH perlu banyak kerja dari bercakap dan sidang media..Kerja pun banyak tak selesai..janji pun banyak lagi tak ditunaikan. Jangan bergegar pentas ceramah aje tapi buat kerja tak pandai..susahkan PM aje yg dah tua...

Suka · Balas · 15j